

LAMPIRAN 14O(samb.)

2. Walau apa pun peruntukan di atas, pembayaran hendaklah dibuat mengikut Syarat-syarat Subkontrak mengikut kadar atau harga seunit yang dinyatakan dalam Jadual yang terlampir kepada Borang Tender atau dicatatkan dalam Jadual II kepada Syarat-syarat Subkontrak tersebut.

Notwithstanding the above, payment shall be made in accordance with the Conditions of Sub-contract at the unit rates or prices specified in the schedule attached to the Form of Tender or entered in Schedule II in the said Conditions of Sub-Contract.

3. Tuan akan dikehendaki melaksanakan Subkontrak yang formal dalam sedikit masa lagi. Bagaimanapun, sehingga Subkontrak yang formal itu dilaksanakan Tender tuan berserta Surat ini hendaklah menjadi Kontrak yang mengikat antara kita.

You will be required to execute in due course a formal Sub-Contract. However, until the formal Sub-Contract is executed your Tender together with this Letter shall constitute a binding contract between us.

4. Tuan akan diberitahu bila dokumen-dokumen Subkontrak siap untuk tandatangan tuan.

You will be notified when the Sub-Contract documents are ready for your signature.

5. Sukacita kami menarik perhatian tuan kepada Syarat-syarat Membuat Tender yang menurutnya adalah dikehendaki, sebelum menandatangani Subkontrak ini, mendepositkan dengan kami suatu Bon Perlaksanaan berjumlah sebanyak.....(yang merupakan 5% daripada Jumlah Harga Subkontrak) berupa wang tunai atau dalam bentuk Jaminan Bank/Bank Islam/BPIMB/ Insurans/Takaful atau Syarikat Kewangan yang diluluskan.

We wish to draw your attention to the Conditions of Tendering whereby you are required, before the signing of the Sub-contract, to deposit with us the a Performance Bond amounting to RM (being 5% of the Sub-Contract Sum) in cash or in the form of Bank/Islamic Bank / BPIMB / Insurance / Takaful or Finance Company Guarantee.

6. Pesanan-pesanan (atas borang JKR 203P5 Pind. 2007 dan JKR 203P5A Pind. 2007) bagi Artikel-artikel yang hendak dibekal dan diserah-hantarkan akan diberi kepada tuan dari semasa ke semasa tetapi sebelum tarikh siap Kontrak Utama (tidak termasuk sebarang lanjutan masa) atau sebelum berakhirnya tempoh enam (6) bulan selepas tarikh Surat Setujuterima ini, mengikut yang mana lebih kemudian. Tuan hendaklah memulakan pembekalan dan penyerah-hantaran Artikel-artikel yang dinyatakan dalam Pesanan-pesanan dalam tempoh..... minggu dari tarikh setiap pesanan dan menyiapkannya dalam tempoh..... minggu dari tarikh permulaan serah-hantaran masing-masing.

Orders (on Form JKR 203P5 Pind. 2007 and JKR 203P5A Pind. 2007) for the Articles to be supplied and delivered will be given to you from time to time but before the Date for Completion of the Main Contract (exclusive any extension thereof) or before the expiry of six (6) months after the date of this Letter of Acceptance, whichever is the later. You shall commence the supply and delivery of the Articles stated in the Orders within weeks from the respective dates of the Orders and to complete the same within weeks from the respective dates of commencement of delivery.